

## Rizal mahu pulang ke Aceh

EMPAT tahun lepas semasa Rizal Shahputra pertama kali menjelaskan kaki di Malaysia, dia hanya memahami tiga patah perkataan Inggeris sahaja - 'yes', 'no' dan 'thank you'.

Namun warga Aceh berusia 24 tahun ini kini mampu bertutur dengan lancar dalam bahasa tersebut setelah melanjutkan pengajian dalam jurusan Bahasa Inggeris dan Komunikasi di UCSI University di Cheras, Kuala Lumpur.

"Saya rasa bagus. Saya telah meningkat maju dalam pengajian selain melalui kehidupan yang agak tenang sehingga ini. Syukur kepada Allah yang Maha Esa," katanya kepada Bernama.

Oleh kerana minat yang mendalam terhadap bahasa asing, pemuda ini juga tidak ketinggalan mempelajari bahasa Arab, Parsi dan dialek Cina daripada rakan-rakan antarabangsa di kolej tersebut.

Selain mempertingkatkan kemahiran bahasa dan beramah mesra dengan rakan-rakan, Rizal juga giat mencubai sukan bina badan dan banyak menghabiskan masa di gimnasium.

"Bina badan adalah minat baru saya dan saya telah banyak berusaha, daripada latihan fizikal hingga aspek nutrisi dan diet," katanya.

### **Kejadian malang bawa Rizal ke sini**

Daripada raut wajah yang dipaparkan, tidak sedikit pun menunjukkan yang dia adalah orang yang pernah menjadi perhatian dunia apabila ditemui terapung-apung di tengah laut selama sembilan hari akibat tsunami yang melanda Aceh pada akhir Disember 2004.

Pada 5 Januari 2005, Rizal diselamatkan dari Lautan Hindi lebih kurang 100 batu nautika dari Banda Aceh selepas ditemui oleh kapal kargo MV Durban Bridge yang dalam pelayaran ke Malaysia dan Singapura dari Afrika Selatan.

Mungkin ramai yang masih ingat gambar pemuda kurus kering dengan berbaju kemeja-T yang sebelah tangannya berpaut pada batang pokok dan sebelah lagi tangan melambai dengan sedaya upaya di tengah-tengah lautan terbuka, yang terpampang di media seluruh dunia.

Dia terapung di lautan terbuka selama sembilan hari selepas dihanyutkan oleh badai tsunami yang memusnahkan kampung halamannya di Banda Aceh dan membunuh kira-kira 250,000 orang di 11 negara. Kebanyakan yang terbunuh adalah dari Aceh.

Rizal masih ingat yang dia sedang bergotong-royong di sebuah masjid bersama ayah dan beberapa orang saudara lelaki apabila dilanda tsunami.

"Saya bertanya kepada bapa sama ada dia pernah melihat gelombang seperti itu dalam hayatnya. Dan dijawabnya tidak. Itulah kali terakhir saya bercakap dengan bapa dan kemudian apa yang saya tahu, semua orang berlari untuk menyelamatkan diri apabila satu lagi gelombang yang begitu besar menderu ke arah kami," katanya.

Menceritakan pengalaman menakutkan di lautan, Rizal berkata jika bukan kerana kata-kata perangsang daripada ayah yang terngiang-ningiang di telinganya, pasti dia telah menemui ajal.

"Ayah sentiasa berkata kepada saya supaya tabah dan jangan berputus asa. Saya terus memaut batang pokok itu walaupun mereka yang turut berpaut pada pokok tersebut sama-sama demi satu berputus asa dan membiarkan lautan biru menentukan nasib mereka."

"Menjelang hari keempat saya satu-satunya yang masih tinggal selepas seorang anggota polis yang bersama saya putus asa dan menyerahkan takdirnya kepada laut."

"Berseorangan di tengah laut sungguh menakutkan. Di sana-sini saya lihat mayat terapung dan ditambah pula kehadiran ikan jerung yang sentiasa mengelilingi saya."

"Syukur saya nyawa saya masih panjang. Ini semua kerana ketentuan Allah yang Maha Esa. Saya berterima kasih kepada-Nya kerana masih diberi belas kasihan dan satu lagi peluang untuk hidup. Saya berterima kasih kepada-Nya bagi setiap saat hidup saya," tambahnya yang sepanjang masa terapung itu dia hanya bergantung hidup dengan meminum air hujan dan makan isi kelapa.

### **Semuanya berubah sekarang**

Selepas tragedi itu, Rizal dibantu oleh UCSI dan ditawarkan berasrama penuh untuk belajar bahasa Inggeris di peringkat sijil dan kemudian ijazah.

Rizal berada di bawah jagaan naib presiden UCSI Prof. Dr. Norfadzillah Hitam, yang kini dianggapnya sebagai ibu sendiri.

"Dia (Dr. Norfadzillah) banyak membantu saya. Dia bagaikan ibu kepada saya. Dia banyak memberi tunjuk ajar sejak saya mula belajar di Malaysia," katanya.

Pada 2007 dan 2008, Rizal pernah kembali ke kampung halamannya di Calang, dekat Banda Aceh.

"Ketika balik semula ke sana saya hampir tidak mengenali tempat itu," kata Rizal yang kehilangan hampir semua anggota keluarga kecuali seorang abangnya.

"Rasanya ganjal... bagaikan saya tidak lagi mempunyai apa-apa hubungan di tempat itu. Saya rasa terpencil. Sejak kejadian itu hampir 80 peratus daripada penduduk kampung telah berpindah sejak kejadian itu dan saya tidak lagi dapat mengenali mereka yang masih hidup termasuk landskap di situ."

"Sehingga hubungan dengan satu-satunya abang yang masih hidup juga tidak akrab. Mungkin trauma yang dialami telah merenggangkan hubungan antara kami. Saya jadi sedih dan kesepian apabila memikirkan mengenainya," katanya.

Walaupun telah menjalani kaunseling, dia masih dihantui kenangan silam.

"Sehingga sekarang ada kalanya saya menangis apabila memikirkan keluarga atau mengenang semula tragedi itu," kata Rizal.

### **Mahu pulang ke kampung halaman**

Walau apapun, Rizal bertekad menamatkan pengajian peringkat ijazahnya yang dijadual selesai pada tahun hadapan dan merancang untuk bekerja sementara dengan UCSI.

Tetapi, pemuda itu tetap mahu kembali ke kampung halamannya pada satu hari nanti.

"Saya mahu kembali ke Aceh. Saya diberi satu lagi peluang untuk hidup dan tidak akan lepaskan peluang ini. Saya mahu membuka sebuah sekolah di sana dan mengajar bahasa Inggeris," katanya mengakhiri perbualan.



Rizal Shahputra banyak menghabiskan masa di gimnasium demi sukan bina badan yang diceburinya.